

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2018

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah duit simpanan negara pada tahun 2015, 2016 dan 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rizab antarabangsa negara berjumlah RM409.1 bilion (USD95.3 bilion), RM423.9 bilion (USD94.5 bilion) dan RM414.6 bilion (USD102.4 bilion), pada akhir tahun 2015, 2016 dan 2017. Jumlah rizab ini disokong terutamanya oleh lebihan akaun semasa dan aliran masuk pelaburan langsung asing.

2. Pada 28 Februari 2018, rizab antarabangsa berjumlah RM419.6 bilion (USD103.7 bilion). Ia memadai untuk membiayai 7.2 bulan import tertanggung dan jauh melebihi paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi tuntutan hutang luar negeri jangka pendek dengan liputan 1.1 kali.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras rizab pada 28 Februari 2018 telah meningkat sebanyak RM10.4 bilion (USD8.4 bilion) berbanding tahun 2015. Kedudukan rizab ini juga telah meningkat tujuh kali ganda berbanding paras rizab pada ketika krisis kewangan Asia 1997/98, iaitu sebanyak RM59.1 bilion.

4. Kedudukan rizab yang stabil ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan keupayaan Malaysia untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Dalam pada itu, Kerajaan akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan rizab ini kekal pada paras yang tinggi untuk bertindak sebagai penampan bagi memenuhi obligasi luaran.